



**NURHAYA** (dua kiri) menyampaikan sumbangan keperluan asas kepada salah satu keluarga murid SK Kaiduan sambil diiringi Farahafizah (tiga kiri), Uzair (tiga kanan) dan sebahagian ahli Kelab ANSOS UMS.



**MAHASISWA-SISWI** bergambar kenangan bersama Uzair, guru-guru serta sebahagian murid SK Kaiduan selepas majlis perasmian penutupan program itu.

# Program KOPS dekati masyarakat pedalaman

► Kelab ANSOS UMS berbakti di SK Kaiduan Papar, santuni komuniti luar bandar

08.04.2015 A8

Oleh SALMAN ABADI

**PROGRAM Outreach Komuniti Pedalaman Sabah** merupakan anjuran Kelab Sosiologi dan Antropologi Sosial (ANSOS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dalam usaha merealisasikan matlamat program itu, serombongan 17 mahasiswa dan mahasiswi bersama dua pelajar peringkat master UMS telah berkampung di Sekolah Kebangsaan (SK) Kaiduan, Papar pada 5 dan 6 April lalu.

Program Outreach Komuniti Pedalaman Sabah atau lebih dikenali sebagai KOPS merupakan program yang julung kali diadakan oleh Kelab ANSOS yang mana program sedemikian memberikan pempunuan kepada masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar, khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman.

Objektif program adalah menghubungkan dan menjalinkan kerjasama mahasiswa-siswi Kelab ANSOS dengan komuniti luar bandar.

Selain itu, ia juga bertujuan memberikan sumbangan dan bantuan berbentuk keperluan asas kepada masyarakat pedalaman serta menerapkan rasa

simpati, empati dan kasih sayang kepada golongan kurang bernasib baik dan terpinggir.

Jarak perjalanan ke SK Kaiduan memakan masa hampir sejam iaitu 45 minit dari Pekan Kinarut, Papar.

Perjalanan itu sememangnya memberikan cabaran

“Program itu tidak hanya tertumpu kepada murid-murid sekolah sahaja, tetapi ia juga melibatkan komuniti atau penduduk yang tinggal di pedalaman Kaiduan.”

**NUR FARAHAFIZAH ZAINUDDIN**  
Pegawai program KOPS

buat mahasiswa-siswi UMS yang terlibat kerana keadaan jalan raya yang tidak berturap, jalan agak sempit, berbatu-batu dan berbukit menyukarkan pergerakan mereka untuk sampai ke destinasi itu.

Namun begitu, ia tidak mematahkan semangat mereka untuk meneruskan

program KOPS. Malahan, ia telah menaikkan lagi semangat para peserta program, apatah lagi majoriti daripada mereka tidak pernah masuk ke kawasan pedalaman sedemikian dan mereka berasa sangat teruja.

Justeru, mahasiswa-siswi cakna dengan nasib komuniti yang tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman yang sentiasa berhadapan pelbagai kesukaran untuk menjalani kehidupan harian.

Penganjuran program sedemikian telah membuka mata mahasiswa-siswi tentang kehidupan komuniti yang tinggal jauh terpencil di pedalaman.

Kedatangan para peserta program KOPS disambut baik pihak sekolah dengan menyediakan tempat tinggal serta ruangan dan peralatan memasak.

Di samping itu, murid-murid SK Kaiduan dilihat mempunyai sikap ringan tulang kerana mereka turut membantu para mahasiswa-siswi untuk memindahkan barang dari dua van yang dinaiki, tanpa mereka disuruh atau diarahkan.


Malahan, mereka sangat menghormati orang lain. Hal demikian mampu dijadikan teladan kepada segenap lapisan masyarakat agar dapat diterapkan dalam diri setiap individu.

Pegawai program KOPS Nur Farahafizah Zainuddin menjelaskan program itu tidak hanya tertumpu kepada murid-murid sekolah sahaja, tetapi ia juga melibatkan komuniti atau penduduk yang tinggal di pedalaman Kaiduan.

“Kami turut menyediakan barang-barang keperluan asas seperti beras, minyak, gula, garam dan juga mi kuning untuk diagihkan



**MELUKIS mural** di dinding bangunan prasekolah SK Kaiduan antara pengisian sempena program KOPS Kelab ANSOS UMS.



**SEKUMPULAN** murid SK Kaiduan tekun membuat aktiviti bersama pelajar UMS.

kepada sepuluh keluarga murid yang terpilih dan kurang bernasib baik,” katanya.

Pada hari terakhir program itu, mahasiswa-siswi UMS telah berkolaboratif dengan pihak sekolah dalam gerakan memberi sumbangan kepada beberapa keluarga yang kurang bernasib baik.

Gerakan sumbangan itu melibatkan dua wakil mahasiswa-siswi UMS yang diiringi oleh wakil pensyarah iaitu Nurhaya Jamalong dan ditemani oleh beberapa guru SK Kaiduan sebagai penunjuk arah ke rumah-rumah keluarga murid-murid terlibat.

Pada masa sama, para peserta program KOPS yang lain menjalankan aktiviti di sekolah itu seperti melukis mural,

explorace dan memasak.

Sementara itu, Guru Besar SK Kaiduan Uzair Kee Yahya dalam ucapan perasmian penutupan program itu menzahirkan rasa gembira dan terima kasih kepada pihak UMS kerana telah memilih SK Kaiduan sebagai platform untuk menganjurkan program berkenaan.

“Di daerah Papar ini hanya ada dua sahaja sekolah pedalaman iaitu SK Kaiduan dan SK Ulu Lumagar, namun untuk sampai ke kawasan Kaiduan ini agak lebih mencabar berbanding Ulu Lumagar,” jelasnya.

Beliau turut menceritakan pengalaman dan kesusahan yang perlu ditempuhi oleh murid-murid untuk datang ke sekolah itu dengan pelbagai rintangan dan cabaran. “Mereka (murid)

berjalan kaki ke sekolah, ada yang mengambil masa selama satu hingga dua jam untuk sampai ke sekolah dan ada yang terpaksa bergerak dari rumah seawal jam 5 pagi sambil meredah kegelapan dan suhu subuh yang sejuk.

“Inilah realiti kehidupan kanak-kanak di SK Kaiduan yang terletak lebih 50 kilometer dari pekan Papar,” jelasnya yang berasal dari Tawau dan telah bertugas sebagai guru besar di sekolah itu selama empat tahun sejak 2015.

Bagaimanapun, katanya, pihak sekolah dan PIBG merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS) yang telahpun meluluskan permohonan membina sebuah bangunan asrama desa untuk SK Kaiduan.

Menurut Uzair, projek pembinaan asrama desa berkapasiti 100 orang itu nanti yang dijangka siap tahun ini, pastinya menjadi satu rahmat yang amat melegakan pihak sekolah dan para ibu bapa kerana anak-anak yang tinggal jauh dari sekolah, boleh tinggal di asrama itu apabila ia siap dibina kelak.

Selain Kampung Kaiduan, terdapat lima lagi kampung utama penempatan penduduk di kawasan pedalaman itu yang mana anak-anak mereka bersekolah di SK Kaiduan ialah Bisuang, Bolotikon, Mondikot, Molonsi dan Molion.

Beliau berharap pelaksanaan program seperti KOPS lebih banyak dijalankan di SK Kaiduan yang akan melibatkan penyertaan murid-murid sekolah.

Tambahan pula, ia (KOPS) merupakan program dari Kelab ANSOS UMS yang julung kali diadakan di sekolah itu dan program ketiga yang dianjurkan oleh para mahasiswa-siswi UMS dari fakulti yang lain.

Justeru, beliau berharap lebih banyak program sedemikian dianjurkan khususnya oleh pihak UMS agar dapat menaikkan semangat dan motivasi murid di kawasan itu, di samping mengasah bakat mahasiswa-siswi dalam pelbagai aspek termasuklah komunikasi, kepimpinan, kemasyarakatan dan sebagainya.

Untuk rekod, SK Kaiduan yang ditubuhkan pada 1957 dan terletak dalam kawasan Pedalaman Satu (P1), kini mempunyai seramai



**UZAIR** (kiri) menerima cenderamata disampaikan Nurhaya sambil diiringi Nur Farahafizah (dua kanan).